

Fenomena Penggunaan Bahasa Slanga dalam Kalangan Remaja Felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik

*Phenomenon of Slang Language Users Among Felda Teens on Felda Taib Andak District: A
Sociolinguistic Survey*

Norfarahdila Binti Jamali
Sa'adiah Ma'alip

Program Pengajian Bahasa Melayu
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

farahdilajamali@gmail.com
adiajaafar@yahoo.co.uk

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk menyingkap fenomena penggunaan bahasa slang yang menjadi "trend" pada zaman kini. Oleh itu pengkaji telah menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan bahasa slang yang turut diujarkan dalam kalangan golongan remaja di luar bandar khususnya di kawasan FELDA. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tentang bentuk-bentuk bahasa slang yang sering digunakan oleh remaja Felda, mengenal pasti kekerapan penggunaan bahasa slang dalam aspek komunikasi mereka. Pengkaji juga ingin mengetahui lebih terperinci mengenai faktor remaja lebih bersikap untuk cenderung menggunakan bahasa slang tersebut dan menilai kesan yang timbul daripada fenomena penggunaan bahasa slang yang semakin berleluasa. Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih subjek yang terdiri daripada golongan remaja FELDA yang berlainan gender, latar belakang dan umur. Pengkaji turut menghadkan kawasan kajian kepada empat buah FELDA yang saling berkelompok. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji telah menggunakan pendekatan borang soal selidik untuk diedarkan kepada 35 orang remaja berserta pemerhatian dan temu bual. Menerusi dapatan kajian, pengkaji telah menemui pelbagai kosa kata slang yang kerap digunakan oleh remaja FELDA. Terdapat faktor yang menyebabkan bahasa slang tersebar luas dan terdapat kesan sampingan daripada penggunaannya yang boleh menjejaskan Bahasa Melayu.

Kata kunci: Bahasa, Slanga, Remaja, FELDA, Sosiolinguistik

ABSTRACT

The research conducted by the researcher is aimed at revealing the phononema of slang language use which is a trend in today's era. Therefore, the researcher has been conducting research on the use of slang language which is also appealed to among teenagers in the rural areas especially in FELDA area. This study was conducted to find out about the forms of slang language used by Felda teenagers, identifying the frequency of language slang use in their communication aspects. Researchers also want to find out more about the factors that teenagers are more likely to tend to use the slang language and evaluate the effects arising from the widespread use of slang language phenomena. Through this study, researchers have chosen subjects comprising FELDA teenagers who are gender, background and age. Researchers also limit study areas to four groups of FELDA. In this study, researchers have used mixed research methods, quantitative and qualitative methods. The researcher used the questionnaire to be distributed to 35 adolescents with observation and interview. Through the findings, the preacher found various slang vocabulary used by FELDA teens. There are factors that cause slang language to be widespread and there are side effects of its use that may affect the Malay language.

Keywords: *Language, Slang, teens, FELDA, Sociolinguistics*

1. Pengenalan

Kelebihan yang wujud pada sesuatu bahasa bukan hanya sekadar memainkan peranan sebagai sistem simbol yang penting dalam proses komunikasi seharian, tetapi mempunyai susur galur yang kukuh di antara bahasa dengan aspek sosiolinguistik yang dilihat dapat mencerna dan melontarkan kekreatifan pengucapan penuturnya terutamanya dalam usaha membentuk daya pemikiran, kejelasan makna dan kesepakatan pemahaman sesama mereka. Bahasa dapat berupaya meyalurkan dan menukarkan maklumat sama ada disampaikan dalam bentuk lisan ataupun tulisan menjurus kepada aspek gagasan, perasaan, pemikiran dan persepsi penutur dengan tahap umur, aspek kognitif, kelompok usia, aspirasi, tujuan, latar belakang interaksi dan situasi sosial. Seajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Hj. Omar (1988) yang menyatakan bahawa bahasa amat penting dalam sesebuah budaya tertentu bermatlamat untuk menterjemahkan kecenderungan dan pemikiran mereka melalui makna yang disampaikan. Bahasa turut berupaya mencerminkan penuturnya, iaitu cara hidup, cara berfikir dan persekitaran fizikal serta sosial kelompok masyarakat tersebut.

Sebelum itu, bahasa Slanga menurut *Kamus Dewan* (1989:1217) mendefinisikannya sebagai kata-kata yang bukan daripada golongan bahasa baku atau standard. Kata-kata tersebut biasanya digunakan dalam percakapan tidak formal dan tidak boleh digunakan dalam penulisan atau keadaan yang formal. Manakala *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:2572) pula menakrifkan slang sebagai ragam bahasa tidak rasmi dan tidak baku yang sifatnya tidak tetap atau bermusim, biasanya digunakan oleh kaum remaja atau kelompok sosial tertentu untuk berkomunikasi dalam kelompok itu sendiri. Berdasarkan daripada definisi tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa slang merupakan satu variasi bahasa yang khusus dan bersifat tidak baku yang digunakan oleh sekumpulan atau sekelompok manusia yang saling mengenali antara satu sama lain untuk menyatakan perihal sesuatu yang hanya diketahui oleh mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji akan lebih mengutamakan penggunaan bahasa Slanga dalam kalangan remaja Felda di kawasan tanah rancangan Gugusan Taib Andak. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa Slanga amat ketara dalam golongan remaja kerana mereka mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara. Hal ini dibuktikan dengan Zuraidah Mohd Sulaiman (2016) menyimpulkan bahawa slanga bersifat gejala bahasa, dianggap sebagai fesyen berbahasa, eksklusif dan unik tetapi terbatas. Ekspresi slanga dalam kalangan kelompok remaja akan memberi kesan terhadap kemandirian bahasa ibunda dan seterusnya boleh mencemarkan serta merosakkan kekuatan makna sebenar Bahasa Melayu Standard (BMS) dengan wujudnya penyimpangan makna. Walau bagaimanapun, bagi kelompok remaja, slanga dipamerkan sebagai unsur pengibaratan yang realistik dan berkesan mengukuhkan interaksi sosial dan secara tidak langsung mengupayakan kreativiti berbahasa mereka ke tahap yang dilihat sangat menarik. Oleh itu, pengkaji amat tertarik dalam menyempurnakan kajian tentang penggunaan bahasa Slanga ini kerana pengkaji boleh memperoleh pelbagai data yang unik dan menarik melalui penyelidikan ini.

Menerusi penyelidikan tersebut, pengkaji akan dapat memperoleh perkataan-perkataan Slanga yang telah dicipta mengikut kreativiti seperti perkataan atau ungkapan yang lama tetapi telah diinovasikan untuk dijadikan sebagai bahasa “trend” atau lebih segar penggunaannya oleh sesuatu kumpulan remaja yang lebih taksu menuturkan bahasa tersebut. Kebiasaannya, bahasa Slanga ini hanya akan difahami oleh kumpulan remaja tertentu sahaja dimana, setiap kumpulan remaja mempunyai bahasa Slanga yang tersendiri yang akan menggambarkan “batchmark” sesuatu kumpulan atau “geng” mereka. Bahasa Slanga yang dicipta oleh golongan remaja ini berdasarkan kepada sesuatu topik atau peristiwa yang hanya dituturkan dalam kelompok mereka sahaja. Menyedari kepada perkara tersebut, pengkaji telah menjadikan fenomena penggunaan bahasa Slanga dalam kalangan remaja sebagai satu kajian penyelidikan yang boleh diketengahkan untuk merungkai segala persoalan dan permasalahan yang wujud.

2. Tinjauan Literatur

Kosa ilmu atau dikenali sebagai sorotan kajian amat penting dalam sesuatu kajian. Kosa ilmu merupakan rangkuman atau cakupan daripada bidang ilmu yang telah dikaji iaitu bidang sosiolinguistik mengenai fenomena penggunaan Bahasa Slanga dalam kalangan pelajar juga dikenali rumusan yang dibuat berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Kosa ilmu sebenarnya merupakan sebahagian daripada bahan kajian dan kosa ilmu yang telah diperoleh oleh pengkaji akan dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam menjalankan kajian yang seterusnya. Tambahan pula, kosa ilmu amat berguna untuk mencari segala permasalahan yang wujud dalam kajian terdahulu supaya kajian yang bakal dilakukan oleh pengkaji tidak berlaku sebarang pertindihan atau plagiat kajian. Walau bagaimanapun, segala pertindihan atau plagiat perlu dielakkan oleh pengkaji agar kajian yang sama tidak dilakuakn oleh pengkaji.

Berdasarkan kepada penelitian kosa-kosa ilmu, para pengkaji dapat melakukan penambakan dan meluaskan lagi skop kajian yang akan dikaji oleh pengkaji terutama dalam kajian penggunaan Bahasa Slangan dalam golongan remaja FELDA. Bahasa slang sudah banyak diberi tumpuan oleh pengkaji-pengkaji bahasa terdahulu dalam pelbagai peringkat sama ada di luar negara mahupun di dalam negara Bembe & Beukes (2009), Nik Safiah Karim (1992), Nuraini Yusoff (2006), Puteri Roslina Abdul Wahid (2008), Muhammed Salehudin Aman (2008)

dan Minah Sintian (2015). Kebanyakan pengkaji-pengkaji memilih kelompok penutur slanga yang tertentu sahaja seperti mat gian, banduan, mat rempit dan pelajar universiti sebagai fokus utama. Umum mengetahui, remaja dianggap sebagai subbudaya yang menggunakan bahasa mengikut identiti kelompok mereka sendiri untuk kepentingan individu yang menggunakan Slanga dan digunakan pada bila-bila masa yang bersesuaian.

Oleh itu, pengkaji telah mengambil beberapa kajian lepas mengenai penggunaan bahasa Slanga yang mempunyai hubung kait dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah menjadikan kajian-kajian lepas yang diperoleh untuk menganalisis kritis dan membuat ulasan serta mencari kelompongan yang boleh ditambahbaikan melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Jelaslah bahawa penggunaan bahasa slanga terungkap atas faktor dan dimensi sosial sesuatu masyarakat yang menuturkannya. Slanga yang diungkapkan hanya dapat difahami oleh kumpulan yang rapat dan mempunyai ciri-ciri persamaan seperti umur, jantina, kelas, dan sudut pandangan. Selain daripada faktor penutur dan pendengar, latar atau konteks interaksi bahasa, tujuan dan topik interaksi sosial juga memberi pengaruh terhadap bentuk leksikal yang digunakan dalam slanga tersebut. Oleh itu, kesemua kajian lepas yang dikemukakan banyak menyumbang idea dan pemikiran serta menjadi garis rujukan dalam menghasilkan sesuatu kajian tentang penggunaan bahasa Slanga yang terbaik seperti pengkaji bahasa yang lain.

3. Metodologi

Pada bahagian metodologi kajian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data dan penganalisan data secara umum. Data yang diperolehi oleh pengkaji perlulah mengikut prosedur yang standard supaya memperoleh data yang sahih dan tepat. Berdasarkan kepada kajian tentang fenomena penggunaan Bahasa Slanga dalam kalangan pelajar sekolah melalui tinjauan kajian sosiolinguistik, kajian tersebut memerlukan kaedah atau metod campuran. Dimana, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Dalam hasil penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah metod campuran untuk melengkapkan segala data yang diperlukan. Secara umumnya, pengkaji akan mengaplikasikan penyelidikan kualitatif, dimana penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai kajian yang tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik . Miles & Huberman (1994), menghuraikan data kualitatif sebagai perkataan dan bukannya nombor, manakala Strauss & Corbin (1990) pula memandang pendekatan kuantitatif sebarang penyelidikan yang menghasilkan penemuan yang tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Oleh itu, melalui metod tersebut, pengkaji telah melakukan kaedah pengumpulan data dengan catatan lapangan atau tinjauan lokasi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji bagi memperoleh data dengan merekodkan pemerhatian secara langsung terhadap fenomena penggunaan Bahasa Slanga terhadap remaja FELDA. Pengkaji akan mendapat sumber autentik dan realistik apabila membuat kajian lapangan (Samarin, 1993). Pengkaji akan memerhatikan gaya percakapan informen, kekerapan penggunaan bahasa Slanga dan leksikal bahasa Slanga yang dituturkan.

Kajian kepustakaan turut digunakan untuk mencari idea atau pemikiran, pendapat, pengalaman, permasalahan yang berlaku dan keraguan yang wujud berkaitan dengan pemerhatian pengkaji. Pengkaji telah mendapatkan pelbagai bahan rujukan sebelum melakukan kerja lapangan. Antaranya sumber rujukan yang telah diperolehi di Perpustakaan Pusat Bitara

Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Perpustakaan Tun Seri Lanang, dan Institusi Alam dan Tamadun Melayu. Hal ini secara tidak langsung, kajian-kajian lepas yang diperoleh dapat membantu dalam menyelesaikan bahagian kosa ilmu dalam penyelidikan ini. Selain itu, teknik temubual dan rakaman terhadap informan digunakan untuk pengumpulan data tentang penggunaan bahasa Slanga agar lebih mudah untuk diperhatikan kembali dan menjadi rujukan yang dalam kajian ini. Responden ditemu bual secara berkumpulan menggunakan temu bual bersemuka jenis semi-struktur. Rasional menggunakan jenis soalan semi-struktur ialah untuk keflexibelan atau kebolehubahsuaian mengikut keperluan. Respon daripada temu bual ini akan dicatatkan oleh penemubual secara bertulis untuk dijadikan data-data kualitatif kajian ini.

Selanjutnya, dalam kajian ini juga pengkaji akan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang bereti berapa banyak atau bilangannya. Dimana, kuantiti ditujukan kepada bilangan diskrit yang dinyatakan dengan tepat dan dikaitkan dengan data numerikal dan ketepatan yang dilakukan melalui kaedah eksperimental dan data numerikal yang dipungut kemudian dianalisis dengan ujian statistik. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan hanya memilih subjek kajian berdasarkan tujuan dan kehendaknya (Chua, 2006). Menurut Babbie (2004), “sampel” atau contoh merupakan hanya sebahagian daripada keseluruhan populasi, iaitu responden yang dikaji untuk mendapatkan maklumat tentang keseluruhan populasi. “Sampel” ini ditakrifkan sebagai sekumpulan responden yang dipilih daripada populasi yang besar untuk tujuan kajian.

Oleh itu, dalam penyelidikan, ralat persampelan yang dibenarkan adalah hanya 5% iaitu pada aras kebolehppercayaan 95%. Oleh itu, subjek yang dipilih oleh pengkaji adalah sebanyak 35 orang remaja Felda yang terdiri daripada gender yang berlainan diantara umur 17 hingga 25 tahun. Seterusnya, pengkaji juga akan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data primer bagi kajian ini. Penyediaan soal selidik adalah sejajar dengan tujuan kajian yang akan dijalankan bagi mencapai objektif yang telah dirangka. Dalam proses mengumpul data melalui data soal selidik ini, pengkaji akan memilih bentuk soal selidik secara langsung. Dalam kajian ini, kaedah soal selidik dipilih kerana lebih sesuai digunakan dalam kajian berkaitan aspek sosiolinguistik seperti penggunaan bahasa Slanga ini. Kaedah soal selidik ini lebih bersifat untuk mendapatkan data-data kajian secara kuantitatif, maklumat yang berbentuk perlakuan manusia adalah lebih mudah dikumpulkan secara fakta. Di samping itu, penggunaan soal selidik akan lebih menjimatkan masa terutamanya dalam proses penganalisan data-data kajian kerana data-data kajian yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik adalah lebih mudah dikodkan secara sistematik.

Data yang diperoleh dari borang soal selidik akan diproses dan dianalisis menggunakan perisian komputer “Statistical Package for Social Science” (SPSS version 23). Sebenarnya, analisis SPSS biasanya digunakan bagi memperihalkan keadaan data yang terdapat dalam sampel kajian selain membantu pengkaji membuat ringkasan data supaya lebih mudah difahami. Selain itu, menerusi analisis ini juga, data yang diperoleh disusun, dikelas dan kemudian rumusan akan dibuat berdasarkan objektif yang ditetapkan. Kaedah huraian deskriptif frekuensi digunakan untuk melihatkan kekerapan jawapan yang telah dipilihan oleh responden.

4. Dapatan dan Perbincangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyajikan objektif-objektif yang telah menjadi garis panduan dalam menghasilkan huraian. Seterusnya, pengkaji akan memaparkan segala data hasil daripada borang selidik yang telah diedarkan kepada golongan remaja Felda. Berdasarkan daripada itu, pengkaji akan memfokuskan secara terperinci mengenai bentuk-bentuk bahasa Slanga yang menjadi “trend” penggunaannya dalam kalangan remaja Felda, kekerapan penggunaan bahasa Slanga oleh golongan remaja Felda dalam aspek komunikasi harian mereka. Selain itu, menghuraikan factor remaja Felda lebih bersikap untuk cenderung menggunakan bahasa Slanga dalam konteks berkomunikasi. Seterusnya, menilai kesan penggunaan bahasa Slanga yang lebih menjadi keutamaan kepada golongan remaja Felda sehingga memudaratkan ketulenan Bahasa Melayu Standard.

4.1 *Bentuk bahasa slanga yang menjadi “trend” remaja Felda.*

JADUAL 1. Senarai kosa kata bahasa Slanga


Bil	Bahasa Slanga	Definisi perkataan Slanga
1	Bersemut	Perkara-perkara yang indah atau manis.
2	Dok	Kata panggilan atau kata ganti nama untuk seseorang.
3	Cikaro	Perempuan (golongan mat rempit).
4	Pecer	Kata singkatan bagi “apa cerita”.
5	Manoi	Hendak pergi mana.
6	Barai	Tidak senonoh.
7	Pokai	Tidak ada duit.
8	Pow	Meminta duit.
9	Usha	Mengurat gadis.
10	Merendek	Berdating dengan pasangan.
11	Cumi	Kata singkatan bagi “cuba miscall” atau cuba menghubunginya.
12	Toyol	Membawa sesuatu tanpa kebenaran.
13	Sembang	Cakap besar atau menipu.
14	Kunyit	Pasangan gay
15	Port	Tempat lepak.
16	Masyuk	Kaya atau berduit.
17	Kipidap	Kata singkatan bagi “keep it up”.
18	Rembat	Mencuri sesuatu barang
19	Sailang	Merampas kekasih seseorang.
20	Pailang	Budak jahat.
21	Walaweh	Hebat.
22	Kautim	Pujuk atau sangat rapat.
23	Benyai	Kotor.
24	Goyang	Takut.

25	Sakai	Serabut, tidak mengetahui sesuatu.
26	Koya	Suka berangan, perasan, mengarut
27	Siot	Mengarut.
28	Balak	Teman lelaki.
29	Mengepong	Membonceng seseorang.
30	Kemut	Seseorang yang kedekut, lokek
31	Pane	Lambat
32	Sumbat	Bosan.
33	Pishang	Bosan.
34	Kerek	Berlagak.
35	Blah	Menghalau seseorang.
36	Galak	Terlampau suka
37	Bolok	Serabut.
38	Bajet	Perasan bagus.
39	Batak	Beria-ria.
40	Gedik	Mengada-ngada
41	Sengkek	Miskin, tidak mempunyai duit.
42	Giler	Sangat atau paling.
43	Kantoi	Terbongkar, pecah rahsia.
44	Poyo	Menjengkelkan.
45	Mengkarap	Tidak boleh diharapkan, tidak berguna
46	Cun	Lawa, cantik
47	gua	Saya.
48	Lu	Awak.
49	Bro	Kata singkatan “brother”, anggilan untuk kawan lelaki.
50	Mamun	Serabut.
51	Kuca	Berteraburan.
52	Kadalul	Tidak teratur.
53	Tangkap cintan	Jatuh cinta.
54	Kencing	Berbohong.
55	Kacang	Mudah, senang.
56	Ayam	Perempuan atau gadis
57	Jambu	Cantik yang digunakan untuk lelaki.
58	Songlap	Mencuri.
59	Langau	Orang suka membuat bising atau kecoh.
60	Taiko	Ketua kumpulan
61	Langgar	Kacau.
62	Lahanat	Kurang ajar.
63	LOL	Kata singkatan bagi “lots of love”, “laugh out loud”, “loud out loud”.
64	Berjimba	Bergembira, bersuka ria
65	Meletops	Hangat, panas


66	Tong-tong	Berkongsi sesuatu.
67	Riban	Ribu.
68	Sentap	Terasa hati, kecil hati
69	hanjeng	Menghina seseorang
70	merembes	Ghairah
71	Retis	Artis.
72	Jentayu	Lelaki ayu.
73	Begam	Gemuk.
74	Iolss	Saya.
75	Jeles	Cemburu.
76	Dunno	Buat tak tahu.
77	menyalak	Marah.
78	swei	Bernasib malang.
79	Tapau	Bungkus.
80	Chow	Meninggalkan atau pergi.
81	Selfie	Berswafoto.
82	Wefie	Bergambar beramai-ramai.
83	Ngam	Padan, sesuai.
84	Viral	Tersebar.
85.	Cia cia	Seseorang yang membuat “pickup line”.
86	Yunk	Sayang
87	Noob	Lambat, lembap.
88	jilake	Kata hinaan, celaka
89	Otp	Kata singkatan bagi “on the phone”, sedang membuat panggilan.
90	Menggelezon	Menggelabah.

Berdasarkan jadual 1, pengkaji telah menyenaraikan penggunaan kosa kata bahasa slanga yang popular pada masa kini yang sering digunakan oleh golongan remaja Felda. Pengkaji telah melakukan temubual dan mengedarkan sebanyak 35 borang soal selidik kepada remaja Felda khususnya di Felda Pasir Raja, Felda Bukit Besar, Felda Bukit Ramun dan Felda Sungai Sayong bagi memperoleh kosa kata slanga yang menjadi trend sekarang. Hal ini secara langsung, telah menunjukkan remaja Felda yang merupakan golongan luar Bandar turut menjadikan penggunaan bahasa slanga sebagai bahasa harian mereka untuk berkomunikasi.


4.2 Keperapan penggunaan bahasa slanga remaja Felda dalam aspek komunikasi harian




RAJAH 1. Pertuturan bahasa slanga dengan ahli keluarga



RAJAH 2. Pertuturan bahasa slanga dengan rakan




RAJAH 3. pertuturan bahasa slangan dalam aplikasi



RAJAH 4. Remaja lelaki gemar menuturkan slanga berbanding remaja perempuan


4.3 Faktor remaja cenderung menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi.

4.3.1 Penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh pengaruh rakan.




RAJAH 5. Faktor rakan

4.3.2 Penggunaan bahasa slanga disebabkan oleh pengaruh daripada percakapan masyarakat.




RAJAH 6. Pengaruh daripada percakapan masyarakat

4.3.3 Pengaruh daripada filem, komik dan majalah member impak dalam wujudnya penggunaan bahasa slanga.



RAJAH 7. Pengaruh filem, komik dan majalah


4.3.4 Bahasa slanga lebih mudah, ringkas dan padat.



RAJAH 8. Faktor mudah, ringkas dan padat


4.4 Menilai kesan dalam fenomena penggunaan bahasa slanga yang boleh memudaratkan ketulenan Bahasa Melayu Standard (BMS).

4.4.1 *Martabat kedudukan bahasa Melayu akan terancam apabila penggunaan slanga semakin meluas.*




RAJAH 9. Martabat bahasa Melayu akan terancam

4.4.2 *Fenomena bahasa slanga dalam komunikasi harian akan mengakibatkan perubahan budaya sesuatu masyarakat.*




RAJAH 10. Mengakibatkan perubahan budaya sesuatu masyarakat.

4.4.3 *Penggunaan bahasa slanga boleh menyebabkan remaja tidak mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik.*



RAJAH 11. Remaja Tidak Mampu Menggunakan Bahasa Melayu Dengan Baik

4.4.4 *Bahasa slanga akan menyebabkan wujudnya kosa kata baharu.*



RAJAH 12: Menyebabkan wujudnya kosa kata baharu

5. Rumusan dan Cadangan

Secara rumusannya, penggunaan bahasa Slanga sememangnya wujud dan telah dianggap sebagai trend atau fesyen bahasa terutama dalam golongan remaja pada masa kini. Penggunaan kata slang, menurut Nik Safiah Karim, tidak perlu dibendung kerana kata slang tidak merebak dalam tulisan dan penggunaan rasmi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan slang terhadap dalam kalangan kumpulan sosial yang menuturkannya sahaja. Slang berkaitan dengan kesesuaian sosial, bukan berkenaan dengan ketepatan nahu kerana slang tidak melanggar struktur ayat, seperti yang diujahkan oleh Connie C. Able dalam *Slang and Sociability* (Nathesan 2012). Walaupun, bahasa slang bersifat sementara namun, sekiranya penggunaannya tidak dibendung, terutama dari segi sistem pembentukan kata dan istilah, besar kemungkinannya akan turut menjejaskan status, kemurnian dan ciri penting bahasa Melayu, iaitu bahasa yang menekankan kesopanan dan kesantunan berbahasa. Perkara yang lebih dibimbangi ialah penggunaan bahasa slang akan meluas dalam bidang penulisan kerana golongan remaja khususnya pelajar sekolah kerap kali megujarkan bahasa tersebut.

Kebimbangan pengkaji terhadap penggunaan bahasa slang ini menjadi pengibaratan yang realistik cukup untuk menggambarkan tentang sesuatu aktiviti, pemikiran, cita rasa dan keahlian subbudaya pelajar itu sendiri. Di samping itu, pelajar dapat dilihat sebagai kelompok muda yang paling aktif mencipta slang kerana sering juga dikaitkan dengan aktiviti dan tingkah laku yang menyimpang. Kewujudan bahasa slang mengikut slang mengikut subbudaya remaja tertentu secara tidak langsung dianggap mencabar kestabilan budaya, kehidupan sosial dan lebih buruk lagi apabila kemandirian bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia menerima impak yang buruk.

Rujukan

- Abdul Ghani Abu. (2008). Slang Penjara Yang Unik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 8(5). 57-59
- Bembe, M.P.& Beukes, A.M. (2009). The Use of Slang by Black Youth in Gauteng. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*. 25 (4), 463-472.
- Muhammad Daud. 30 Januari (2014). Remaja dan Bahasa Slang. Sinar Online capaian daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/remaja-dan-bahasa-slanga-1.245848>.
- Minah Sintian. 2015. Penggunaan Slang Dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Amin Arshad. (2002). Bahasa Slang: Pembentukan dan Ciri-cirinya. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu* 3. 49-63.
- Muhamad Daud. (2012). Bahasa Slang Remaja Cabaran Memartabatkan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. 2(10). 18-21.
- Nor Hafidah Ibrahim. (2011). Penggunaan Bahasa slang dan Percampuran Bahasa Melatari Laman Blog Remaja: suatu tinjauan awal. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII*. Universiti Putra Malaysia, 9-10 November.
- Teo Kok Seong. (1996). Slang: Satu Fesyen Pertuturan. Pelita Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 8(2).